



## **Kebangkitan dan Pemodenan Jepun: Suatu Analisis terhadap Regimentasi Budaya Kerja Jepun**

**Hanim Ismail<sup>1</sup>, Kartini Aboo Talib@Khalid<sup>1</sup>, Nurul Asmaa Ramli<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Institut Kajian Etnik, Univeristi Kebangsaan Malaysia (UKM)

Correspondence: Hanim Ismail ([hanimismail\\_ummuhadi@yahoo.com](mailto:hanimismail_ummuhadi@yahoo.com))

### **Abstrak**

Kejayaan dan keupayaan Jepun bangkit daripada runtuhan Perang Dunia Kedua serta menjadi salah sebuah negara gergasi ekonomi dunia adalah kerana mereka memiliki sumber tenaga kerja yang mempunyai tahap disiplin yang tinggi. Orang Jepun terkenal dengan keunggulan budaya dan etika kerja yang diamalkan mereka sehingga perlaksanaan Dasar Pandang ke Timur (DPT) di Malaysia adalah berteraskan kepada penerapan budaya dan etika kerja masyarakat Jepun. Implementasi DPT adalah suatu usaha kerajaan Malaysia untuk mengadaptasikan budaya kerja orang Jepun berteraskan budaya Timur. Ilham dan inspirasi Tun Mahathir memperkenalkan DPT adalah bertujuan untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang mempunyai budaya kerja dan jati diri seperti orang Jepun. Regimentasi budaya orang Jepun tidak luntur dengan era pemodenan dan globalisasi disebabkan budaya ini telah menjadi darah daging selama 400 tahun. Hal ini telah memberi kejayaan kepada Jepun untuk terus bangkit dari runtuhan perang. Persoalan bagaimana Jepun berupaya membentuk dan mencorakkan masyarakatnya yang mengamalkan budaya dan etika kerja yang hebat ini diteliti dan dianalisis dalam artikel ini. Selain itu, kertas kerja ini turut mengupas secara komprehensif bagaimana Jepun berusaha bangkit selepas musnah teruk dalam perang sehingga membawa kejayaan dan kegemilangan terutama dalam aspek ekonomi dalam tempoh yang sangat singkat iaitu kira-kira 25 tahun sahaja.

**Kata kunci:** kebangkitan Jepun, pemodenan Jepun, budaya kerja, kegemilangan Jepun

## **The Rise and Modernization of Japan: An Analysis of the Regimentation of Japanese Working Culture**

### **Abstract**

Japan's prosperity and capacity to emerge from the ashes of World War II to become one of the world's economic leaders is due to a highly disciplined workforce. The Japanese are known for the excellence of their culture and work ethics that they practice until the implementation of the Look East Policy (DPT) in Malaysia is based on the application of Japanese culture and work ethics. The implementation of DPT is an effort by the Malaysian government to adapt the Japanese work culture based on the Eastern country. Tun Mahathir's inspiration and vision to introduce DPT aims to create a Malaysian society that has a work culture and identity similar to the Japanese. The regimentation of Japanese culture has not faded with the era of modernization and globalization because this culture has been the flesh and blood of their society for 400 years. This has given Japan the success to continue to rise from the ruins of war. The question of how Japan was able to shape and mould its society that practices this great culture and work ethic is examined and analysed in this article. In addition, this paper also

comprehensively examines how Japan tried to recover after being badly destroyed in the war to bring success and glory, especially in the economic aspect in a very short period of about 25 years.

**Keywords:** rise of Japan, Japanese modernization, work culture, greatness of Japan

---

## Pengenalan

Sejarah peradaban negara Jepun berupaya membuka mata dan minda masyarakat dunia bahawa Jepun mampu mencapai kemajuan terutama selepas Perang Dunia Kedua kerana mereka pada sebelum itu merupakan sebuah bangsa yang bangkit dan terdidik melalui peradaban yang hebat berdasarkan sistem pemerintahan yang telah mereka lalui. Pemerintahan Shogun serta pembaharuan dan pemodenan yang dibawa oleh Maharaja Meiji telah membantu Jepun menjadi sebuah negara yang hebat setanding dengan kuasa-kuasa besar Barat sehingga kini. Budaya dan etika kerja Jepun yang menjadi tonggak kepada perlaksanaan Dasar Pandang ke Timur di Malaysia oleh Tun Mahathir Mohamad adalah hasil daripada sejarah peradaban Jepun yang membawa kepada masyarakatnya yang positif, berpandangan jauh, berdisiplin dan bersungguh-sungguh di dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Hal demikian, Malaysia telah menjadikan Jepun sebagai ‘role model’ dalam usaha membangunkan negara dengan memperkenalkan Dasar Pandang ke Timur (DPT) pada tahun 1982.

Jepun yang terkenal dengan penduduknya yang mempunyai budaya dan etika kerja yang terunggul di dunia memberi inspirasi kepada Mahathir Mohamad untuk melaksanakan DPT dengan bertujuan mengadaptasikan budaya dan etika kerja masyarakat Jepun ke dalam diri setiap individu di Malaysia. Justeru, artikel ini meneliti dan mengetengahkan sejarah peradaban Jepun bermula pemerintahannya yang berasaskan kepada sistem feudal iaitu pada zaman pemerintahan Shogun Tokugawa yang membawa kepada pembentukan budaya, etika kerja dan jati diri masyarakat Jepun. Sebelum Perang Dunia Kedua, Jepun merupakan sebuah negara yang melalui peradaban yang panjang dan Jepun merupakan sebuah negara yang mempunyai kuasa besar dari segi politik dan pemerintahan. Jepun mempunyai semangat dan kepercayaan yang kuat berkaitan dengan ‘*spirit of the old Japan*’ yang bermaksud bangsa Jepun adalah bangsa yang dipilih untuk menjadi pemerintah. Hal ini telah menjadikan mereka merasakan bahawa mereka mempunyai harga diri yang tinggi dan semangat bushido<sup>i</sup> telah menjadi penggerak dan pembakar semangat mereka untuk mencapai cita-cita di dalam setiap apa yang mereka lakukan.

Mereka juga akan bersungguh-sungguh melakukan sesuatu dan sentiasa memastikan setiap yang mereka usahakan pasti mencapai kejayaan. Semangat positif ini telah wujud sejak pada zaman Shogun dan ia membawa kepada kejayaan dalam peradaban Jepun. Jepun telah melalui sejarah peradaban yang panjang dan sejarah pembentukan peradabannya telah terbukti berjaya membentuk budaya kerja dan sistem nilai moral masyarakatnya. Huraian yang terperinci mengenai sejarah Jepun dibincangkan bermula dengan Zaman Samurai yang dikenali sebagai pemerintahan Shogun Tokugawa, zaman pemerintahan Restorasi Meiji, Zaman sebelum Perang Dunia Kedua dan Kebangkitan Jepun selepas Perang Dunia Kedua sehingga menjadi sebagai salah satu kuasa besar ekonomi dunia. Kejayaan Jepun hari ini adalah dari sikap dan budaya yang mereka miliki hasil daripada sejarah pemerintahan lalu yang telah mereka tempuh.

## Metod Kajian

Artikel ini menggunakan kajian perpustakaan sebagai kaedah pengumpulan data. Bahan-bahan penerbitan seperti buku, jurnal dan sumber internet dikumpulkan serta dianalisis bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan sejarah peradaban dan kebangkitan Jepun sehingga berupaya menjadi sebuah negara yang maju selepas Perang Dunia Kedua.

## Zaman Shogun Tokugawa (1603 hingga 1867)

Shogun Tokugawa telah memerintah Jepun pada tahun 1603 iaitu kira-kira selama 250 tahun dan sewaktu pemerintahan Shogun Tokugawa, Maharaja Jepun tidak mempunyai kuasa untuk mentadbir. Kuasa pemerintahan yang mutlak telah diletakkan di tangan Shogun dan Maharaja hanya dianggap sebagai simbol perpaduan. Maharaja Jepun ditempatkan jauh daripada pusat pemerintahan dan pentadbiran Shogun di Edo. Kerajaan Shogun di Edo dikenali sebagai kerajaan Bakufu. Maharaja pada ketika itu tinggal di kawasan yang terpencil di Kyoto dan duduk di istana yang dikelilingi oleh tembok serta tinggal bersama golongan Kuge iaitu pegawai istana.

Dalam pemerintahan Shogun, kelas sosial masyarakat dikelaskan mengikut hierarki iaitu golongan yang memerintah dan golongan yang diperintah. Sistem feudalisme pada zaman Shogun Tokugawa terdiri daripada beberapa kelas sosial dan ia berbentuk hierarki piramid. Golongan pemerintah adalah terdiri daripada Maharaja, Shogun, Daimyo dan Samurai manakala golongan yang diperintah pula terdiri daripada petani, artisan, dan saudagar. Ketika zaman pemerintahan Shogun, kuasa pemerintahan dan pentadbiran yang sebenar terletak sepenuhnya di tangan Shogun dan bukannya Maharaja. Oleh itu, Shogun telah menjalankan tugas atas nama Maharaja berdasarkan kepada Dasar Pecah dan Perintah. Shogun menggunakan dasar ini untuk menjamin kekuasaan dan kedudukannya sebagai pemerintah (Reischauer, 1964). Dalam sistem ini, Shogun mempunyai kuasa tertinggi pentadbiran merangkumi keseluruhan rakyat dan istana iaitu Maharaja. Penguasaan Shogun terhadap hampir keseluruhan tanah di Jepun serta membentuk hampir tiga puluh peratus daripada hasil pertanian keluaran negara menjadikan Shogun sangat dihormati, ditakuti dan digeruni. Pemerintahan Shogun telah membahagikan kawasan pemerintahan berdasarkan golongan bangsawan yang menyokong dan menentang pemerintahannya. Bagi golongan bangsawan yang menyokong Shogun, mereka dikurniakan tanah manakala golongan bangsawan yang menentang Shogun, mereka telah ditempatkan di kawasan yang dikawal oleh golongan Tokugawa (Duss, 1979).

Di dalam pemerintahan Shogun, daimyo merupakan golongan bangsawan yang mempunyai peranan penting di dalam pemerintahannya. Golongan bangsawan ini terbahagi kepada tiga kumpulan iaitu Daimyo Fudai, Daimyo Shimpan dan Daimyo Tozama. Ahli keluarga Shogun dan kerabatnya adalah tergolong daripada daimyo Fudai. Daimyo Fudai adalah penyokong kuat Shogun dan mereka membantu Shogun dalam menguasai pemerintahan di Jepun. Daimyo Fudai adalah seramai 120 orang dan turut diberi hak keistimewaan dengan diberi kelonggaran untuk menjadi anggota dua majlis negara selain bertugas sebagai mengawasi daimyo Tozama (Najita, 1974). Daimyo shimpan adalah mereka yang terdiri daripada pelbagai cabang keluarga Tokugawa dan diberi tanah tidak jauh daripada Shogun. Keluarga Tokugawa yang utama dikenali sebagai ‘go snake’ dan ‘tiga rumah’ yang dipunyai oleh anak Ieasu yang terletak di daerah Qwari, Kii dan Mito. Manakala, daimyo Tozama pula dikenali sebagai daimyo luar yang merupakan tuan tanah feudal yang terpaksa tunduk kepada Tokugawa serta mereka sering bermusuhan dengan Shogun (Conrad, 1988).

Kelas pahlawan yang mempunyai kedudukan istimewa dalam masyarakat Jepun adalah Samurai. Samurai berperanan untuk menjaga keamanan negara serta menjaga kepentingan daimyo dengan penuh taat setia. Golongan Samurai tidak dibenarkan melakukan sebarang kerja lain meskipun negara berada dalam keadaan aman. Morton dan Olenik (2005) menyatakan Samurai juga turut terbahagi kepada tiga kelas iaitu kelas atasan, kelas pertengahan dan kelas rendah. Kelas atasan merupakan samurai yang mempunyai pertalian darah dengan daimyo atau mereka yang berkhidmat lama dengan daimyo. Bilangan samurai kelas atasan adalah sedikit. Samurai kelas sederhana pula merupakan samurai yang mendapat taraf samurai penuh dan bilangan mereka sangat ramai. Manakala, samurai kelas rendah adalah terdiri daripada mereka yang dijadikan sebagai tentera berjalan kaki. Golongan samurai kelas rendah ini juga ramai bilangannya dan mereka boleh mengisi jawatan sebagai pegawai rendah di dalam kerajaan dan ekonomi.

Dalam golongan yang diperintah pula, golongan petani merupakan golongan yang menduduki tempat yang tertinggi berbanding dengan golongan yang diperintah lain. Golongan petani mendapat kedudukan ini adalah kerana Jepun pada ketika itu merupakan sebuah negara pertanian yang tidak mengadakan sebarang perhubungan dengan dunia luar kerana Dasar Tutup Pintu yang diamalkan oleh

Jepun (Morton & Olenik, 2005). Berdasarkan sistem yang diamalkan ini, setiap kampung perlu menyediakan sebilangan lelaki dan kuda sebagai kenderaan rasmi di dalam tempoh tiga bulan musim bunga dan tempoh tiga bulan di dalam musim buah-buahan. Perkara ini telah memberi tekanan kepada para petani akibat daripada paksaan dan kerahan yang dikenakan selain perlu membayar cukai yang tinggi (Duss, 1979).

Golongan artisan merupakan golongan yang berada di bawah petani dan mereka adalah golongan yang mempunyai kemahiran di dalam pembuatan pedang. Mereka juga mempunyai kemahiran sebagai tukang kayu, tukang rumah, penenun kain, tukang tembaga, tukang timah, pembuat kertas dan lain-lain. Mereka diberi gaji yang baik dan diberi rumah. Walaupun golongan artisan berada di bawah sistem kelas sosial petani, namun pendapatan golongan artisan adalah lebih tinggi berbanding petani. Walau bagaimanapun, golongan artisan yang tidak mempunyai kemahiran yang khusus akan mendapat layanan yang buruk dan mereka bekerja dengan daimyo (Duss, 1979). Golongan pedagang adalah golongan kelas sosial yang paling rendah di dalam pemerintahan Shogun. Mereka dipandang rendah kerana pekerjaan mereka dianggap hina. Oleh kerana Jepun merupakan negara yang aman, ekonomi Jepun dapat berkembang dengan baik sekali gus memberi peluang kepada pedagang untuk berjaya mengumpul harta yang banyak.

## **Kemerosotan dan Kejatuhan Pemerintahan Shogun Tokugawa**

Kejatuhan pemerintahan Shogun Tokugawa adalah berpuncak daripada kelemahannya dan pentadbiran dalam sistem feudal yang membawa kepada penentangan terhadap sistem yang diamalkan ini. Pada pertengahan abad ke-19, perpecahan di dalam kumpulan samurai, petani dan golongan peniaga telah membawa kepada kebangkitan golongan samurai dan petani kaya dari Osaka untuk menentang kerajaan Bakufu. Ketika awal zaman feudal samurai juga merupakan golongan petani dan mereka hanya akan berperang apabila tuan tanah iaitu daimyo memerlukan perkhidmatan mereka bagi menentang pihak tuan tanah yang lain. Bagaimanapun, pada pertengahan abad ke-19, telah berlaku revolusi ketenteraan yang menghimpunkan golongan samurai di bandar-bandar istana. Golongan ini diberikan keistimewaan untuk menggunakan pedang dan berfungsi sebagai menjaga keamanan negara. Dalam pada itu, golongan samurai juga merupakan golongan yang mempunyai pendidikan yang tinggi kerana kerajaan Bakufu telah membina sekolah untuk anak-anak samurai. Samurai muda yang mendapat pendidikan telah memegang jawatan di dalam pentadbiran Tokugawa, di daerah-daerah dan institusi kerajaan di Edo. Di sekolah pula, anak-anak samurai telah diajar tentang prinsip kepahlawanan, ciri-ciri pembentukan etika sosial yang penting untuk dimanfaatkan di dalam kehidupan sehari-hari.

Oleh itu, samurai tidak terlibat dengan aktiviti pengeluaran dan mereka terus berkhidmat sebagai pahlawan. Samurai telah menyiasat golongan petani supaya mereka tidak menggunakan pedang. Hal ini adalah bertujuan untuk menghalang pemberontakan terhadap Bakufu serta telah mewujudkan perbezaan di antara kelas petani dan kelas samurai. Bagaimanapun, pemerintahan pada zaman Shogun ini adalah aman dan bebas daripada perperangan. Hal ini telah mengurangkan tugas samurai sebagai pahlawan. Keadaan ini menjadikan samurai dianggap sebagai kelas yang tidak diperlukan sekali gus menjadikan golongan samurai miskin berikutan upah yang diberikan oleh daimyo semakin berkurangan. Keadaan samurai yang miskin telah membawa kepada golongan samurai yang menjadi pengembara. Mereka tinggal di bandar dan mempelajari bahasa serta teknologi Barat. Golongan ini telah membawa kepada penerokaan dunia luar. Ketika ini telah berlaku perpecahan kelas samurai iaitu golongan yang setia tinggal di bandar yang merupakan golongan samurai kelas atas. Bagi golongan samurai yang menjadi pengembara adalah golongan samurai yang berada pada kelas yang rendah. Biarpun golongan samurai dari kelas rendah tidak memberi taat setia kepada golongan pihak pemerintah dalam sistem feudal, tetapi mereka sebenarnya telah mula menyedari bahawa mereka perlu memberi taat setia kepada Maharaja dan bukan memberi taat setia kepada Shogun yang boleh dianggap sebagai perampas kuasa Maharaja.

Golongan peniaga atau saudagar yang lahir daripada perpecahan dari samurai telah dianggap golongan yang paling rendah dan hina kerana mendapat hasil pendapatan melalui perniagaan. Golongan petani

dan samurai kelas atasan pula dilihat sebagai kelas yang lebih tinggi kerana mereka berusaha dan bekerja keras untuk mendapat hasil pendapatan. Golongan saudagar dan peniaga ini walaupun dipandang hina, tetapi mereka mempunyai pendapatan yang tinggi. Golongan yang terlibat dengan perniagaan dan perdagangan ini akhirnya berjaya menguasai golongan samurai yang menjadi pengembara serta golongan daimyo dan akhirnya mereka turut terlibat dengan perniagaan. Kuasa masyarakat feudal pada tahun 1850an telah beralih kepada golongan peniaga yang dikenali sebagai Chonin kerana telah menguasai dan memonopoli ekonomi negara. Perkara ini menyebabkan kuasa pemerintah Shogun merosot dan Shogun mengalami masalah kewangan yang membawa kepada dasar menaikkan cukai yang tinggi kepada para petani. Samurai pula telah kehilangan fungsi dan mengalami masalah kewangan yang teruk dan daimyo terpaksa meminjam wang daripada golongan chonin untuk membayar upah kepada petani. Kerajaan Bakufu telah memberi bebanan kewangan yang tinggi terhadap golongan samurai dan petani. Akibatnya, pemberontakan dan rusuhan telah dilancarkan oleh golongan petani bagi membantah golongan Shogun yang menyelesaikan masalah kewangan yang teruk.

Penentangan ini telah membawa kepada pendedahan bahawa sistem pentadbiran negara oleh Shogun hilang keupayaannya mentadbir dan memerintah Jepun. Usaha penggulingan Shogun oleh samurai kelas rendah dan golongan bangsawan kaya dari Osaka dan Tokyo merupakan golongan yang anti-Tokugawa. Samurai kelas rendah telah secara perlahan-lahan menguasai kelas samurai dan golongan pemerintah feudal dengan melakukan banyak pemberontakan dan penghapusan pengaruh shogun secara menyeluruh. Golongan saudagar atau chonin telah membiayai segala keperluan kewangan di dalam proses menggulingkan pemerintahan shogun. Penggulingan Bakufu dan pemulangan kuasa kepada Meiji merupakan usaha golongan samurai kelas rendah yang pernah menjadi pengembara, saudagar atau chonin dan juga terdiri daripada golongan bangsawan yang kaya.

### **Jepun di Bawah Pemerintahan Maharaja Meiji (1868 hingga 1914)**

Detik permulaan pemerintahan Meiji pada tahun 1868 merupakan detik sejarah penting bagi peradaban Jepun kerana ia menjadi titik permulaan kepada pengakhiran sistem feudal yang telah digantikan dengan sebuah kuasa pusat iaitu di bawah naungan Maharaja yang telah diubahsuai menjadi bentuk pemerintahan monarki moden. Proses modernisasi yang dibawa dalam pemerintahan Meiji merupakan suatu proses yang dimahukan oleh golongan intelektual dan rakyat yang mahu Jepun diperintah di dalam sistem pemerintahan yang lebih baik. Menurut Kartini (2017), kejayaan Meiji disokong juga dengan kemahuan golongan elit dan konservatif yang sedia melakukan adaptasi kepada pembaharuan dan pemodenan ini. Meiji yang bermaksud sedar merupakan manifestasi daripada golongan rakyat yang sedar terhadap keperluan sebuah sistem pemerintahan yang lebih baik bagi negara Jepun menggantikan sistem feudal yang ada.

Kelemahan yang wujud di dalam sistem pemerintahan Shogun sebelum itu telah membawa kepada pemulangan kuasa pemerintahan kepada Maharaja. Penyerahan kuasa memerintah oleh Shogun kepada pemerintahan Meiji adalah hasil daripada paksaan terhadap pemerintah terakhir Shogun iaitu Keiki yang dipaksa untuk meletakkan jawatannya. Maharaja Meiji menaiki takhta pada tahun 1868 ketika berusia 27 tahun bagi menggantikan Shogun (Mohd Fazrullah, 2017). Setelah dilantik menjadi Maharaja Meiji, perkara utama yang dilakukan oleh beliau adalah dengan menukar ibu negara Jepun dari Kyoto kepada Edo yang kini dikenali sebagai Tokyo. Pembaharuan-pembaharuan yang dibawa oleh Meiji ini telah membawa kepada era kejayaan dan kemajuan Jepun. Berlaku banyak perubahan di dalam sistem pentadbiran, ekonomi, ketenteraan, keselamatan, pendidikan dan sosial pada zaman pemerintahan Meiji. Semangat bushido yang diwarisi oleh bangsa Jepun ketika pemerintahan Shogun telah membawa kepada semangat memulihkan negara berkenaan yang mana rakyat Jepun memiliki sifat budaya yang unik. Penyerahan kuasa oleh Shogun Tokugawa kepada Meiji pada 24 Oktober 1867 merupakan satu titik tolak berakhirnya sistem feudalisme yang diamalkan sejak berabad-abad lamanya. Sistem pemerintahan Maharaja diamalkan dalam pemerintahan dan pentadbiran Meiji.

Pemerintahan Meiji, telah menyaksikan penghapusan sistem feudal yang telah diamalkan sebelum ini. Oleh itu, jawatan Shogun yang menjadi pentadbir tertinggi dalam pentadbiran Jepun telah dihapuskan serta merta. Badan penasihat dibentuk dikenali sebagai ‘Satcho-Hito’ yang dianggotai oleh golongan samurai muda kelas rendah yang terdiri daripada suku Satsuma, Choshu, Toza dan Hizen yang dikenali sebagai Oligarki<sup>ii</sup> Meiji. Golongan ini adalah golongan yang mendapat pendedahan tentang pengetahuan, Sains & Teknologi Barat. Golongan ini juga mempunyai kesedaran bahawa Jepun perlu bersaing dengan Barat kerana kuasa Barat berkemungkinan menjadi ancaman kepada Jepun sekiranya Jepun tidak mencapai kemajuan (Reischauer, 1964). Pada 3 Mac 1869, sebuah memorandum bersama meletakkan tanah golongan oligarki Meiji di bawah penguasaan Maharaja telah dibuat. Beberapa orang pegawai diraja juga telah dilantik di setiap kawasan tanah feudal bertujuan untuk membuatkan rakyat dan golongan daimyo sedar bahawa terdapat sebuah kuasa pusat yang lebih tinggi wujud di dalam sistem pentadbiran. Pada tahun 1871 pula, Maharaja telah mengumumkan penghapusan semua tanah feudal dan semua tanah yang menjadi hak milik diraja. Pada bulan berikutnya, semua tentera feudal telah dibubarkan dan pengisytiharan tersebut telah menandakan berakhirnya kuasa para daimyo sebagai pembesar dalam sistem feudal.

Kerajaan telah bersetuju untuk membayar wang sagu hati kepada daimyo sebagai tanda penghargaan kepada jasa para daimyo (Amirah Hamzah: t.th). Bagi golongan samurai pula, mereka diberi kebebasan untuk melakukan sebarang pekerjaan dan dalam masa yang sama, hak keistimewaan samurai telah ditarik balik oleh kerajaan. Mereka tidak dibenarkan lagi menggunakan dua bilah pedang dan hal ini telah menghilangkan identiti mereka sebagai samurai. Namun begitu, golongan samurai tidak memberikan sebarang tindak balas kerana sifat semula jadi mereka yang sentiasa taat kepada golongan atasan dan tidak akan memberontak atau menentang Maharaja (Amirah Hamzah t.th). Kepimpinan Meiji menyedari tentang keperluan mereka menjadi sebuah kuasa besar dunia yang kuat. Oleh itu, mereka membuat perubahan ke atas struktur ketenteraan pada zaman tersebut. Kerajaan Meiji telah memperkenalkan dasar yang membuat kerahan ketenteraan serta dasar memodenkan angkatan tentera darat dan tentera laut Jepun. Pentadbiran Meiji mempelajari teknik ketenteraan daripada negara Barat iaitu Britain, Jerman, Perancis dan Amerika Syarikat. Hak samurai di dalam ketenteraan telah ditarik balik dan ianya bersifat terbuka kepada semua rakyat untuk menyertai pasukan ketenteraan. Jepun menubuhkan institusi latihan yang merekrut 2500 orang pekerja yang dilengkapi dengan kemudahan kilang senjata, perkarangan kelengkapan perang dan kawasan untuk latihan. Jepun bukan sahaja merekrut anggota tentera, tetapi mereka juga memiliki peralatan senjata dan perkапalan yang canggih (Morton & Olenik, 2005).

Jepun pada ketika itu merupakan negara pertanian kerana enam puluh peratus daripada hasil pendapatan negara adalah daripada sektor pertanian, maka pemulihran ekonomi yang dibuat tertumpu kepada sektor pertanian. Kerajaan juga memperkenalkan penggunaan mata wang yang moden iaitu yen menggantikan Ryo (Hunter, 1989). Pada ketika itu, nilai mata wang yen adalah sama dengan nilai dollar. Penggunaan mata wang yang baru, berupaya menubuhkan sistem perbankan yang mampu memberikan pinjaman yang tinggi kepada usahawan. Masyarakat Jepun membuat pelaburan dengan sejumlah wang yang banyak di dalam membina perniagaan lantaran mereka memiliki sifat kesungguhan dan keberanian dalam menghadapi risiko. Perkara ini telah berupaya melahirkan usahawan yang terkenal dan berjaya. Golongan usahawan yang berjaya dan terkenal ini biasanya terdiri daripada golongan suku samurai yang kaya seperti daripada keluarga Mitsui. Keluarga ini telah membina perniagaan sejak di zaman Shogun dan mengukuhkan empayar perniagaan dengan membentuk gabungan usahawan yang dikenali sebagai zaibatsu (Morton & Olenik, 2005). Kerajaan Jepun juga mengamalkan Dasar Penswastaan dengan menyerahkan industri-industri milik kerajaan kepada golongan zaibatsu untuk diusahakan. Jepun berjaya mengawal ekonomi dan kewangan yang baik walaupun menghadapi krisis kewangan yang timbul sama ada masalah domestik mahupun di dunia luar (Hunter, 1989).

Ideologi Kokutai telah diketengahkan bagi melahirkan semangat nasionalisme yang tinggi ke atas maharaja dan negara. Bangsa Jepun membentuk kesepadan dalam menentang bangsa-bangsa lain yang akhirnya mencapai kemenangan. Pemerintahan Meiji merupakan titik tolak kepada kemajuan dan kemodenan Jepun. Semangat bushido yang diwarisi pada zaman Shogun telah membawa golongan samurai kelas rendah yang begitu setia kepada ketua. Di atas dorongan kesetiaan kepada ketua itu telah

menjadikan mereka mengembalikan kuasa kerajaan pusat kepada kuasa Maharaja sebagai Ketua Negara (Shozo, 1981). Semangat ini juga telah membawa kepada Jepun terlibat dengan perperangan sehingga mereka mengamalkan dasar imperialisme. Pemerintahan Meiji turut memberi perhatian kepada pemodenan dalam aspek pendidikan. Walaupun aspek pendidikan telah diberi perhatian ketika zaman pemerintahan Shogun Tokugawa, Dalam era Meiji perubahan dan pemodenan dalam aspek ini turut diberi tumpuan. Bukti bahawa era Shogun juga turut memberi penekanan terhadap aspek pendidikan adalah melalui golongan samurai turut dihantar ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran. Walau bagaimanapun, apabila pulang dari luar negara, golongan inilah yang menuntut kepada perubahan dalam pemerintahan dan pentadbiran Jepun ke arah yang lebih baik dan terjamin (Shozo 1981).

Jepun telah memperkenalkan Gakusei iaitu Pendidikan Kebangsaan pada 8 Ogos 1872 sebagai usaha untuk memberi pededahan kepada semua golongan tanpa sebarang perbandingan kelas sosial dan jantina. Pelan ini merupakan dokumen pendidikan yang penting pada ketika itu dan Fokuzawa Yukichi merupakan individu yang bertanggungjawab di dalam proses menyusun pelan pendidikan tersebut (Morton & Olenik, 2005). Meiji telah membina universiti sendiri sebagai salah satu langkah dalam membina pusat pengajian tinggi sendiri iaitu Universiti Tokyo pada tahun 1869 (Morton & Olenik, 2005). Muhd Yusuf (1972) turut menjelaskan pembaharuan dan pemodenan yang dibawa oleh pemerintah Meiji turut dilakukan dalam aspek agama. Perasaan taat setia yang tidak berbelah bagi itu bukan timbul disebabkan oleh orientasi kebudayaan tradisional semata-mata, tetapi adalah kerana kepercayaan Shintohisma yang diagungkan selepas kembalinya kekuasaan Meiji. Kepercayaan ini telah diiktiraf sebagai agama rasmi. Shinto adalah kepercayaan yang mencampurkan di antara animisme dan pemujaan terhadap nenek moyang.

Usaha utama dalam pemodenan Meiji adalah dengan meningkatkan infrastruktur Jepun supaya ia dapat menjamin keselesaan rakyat. Penyediaan kemudahan infrastruktur dapat menjamin kemajuan ekonomi Jepun. Perlaksanaan ini terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Pekerjaan Awam yang diketuai oleh Ito Hirobumi dengan membuat perubahan yang besar ke atas sistem perhubungan dan pengangkutan di Jepun. Perkhidmatan pengeposan barang dan surat di kawasan Tokyo hingga Osaka telah dikembangkan sehingga terdapat lebih tiga ribu buah pejabat di dalam tempoh tiga tahun yang pertama. Kemudian, sistem telegraf dibawa masuk ke Jepun sebagai suatu sistem dan alat perhubungan yang memudahkan urusan perhubungan dengan dunia luar. Landasan kereta api pula telah dibina dan diperbanyakkan bagi memudahkan perhubungan dan penghantaran produk yang dihasilkan. Ketika di awal pembinaannya, semua landasan kereta api telah diletakkan di bawah syarikat hak milik persendirian untuk menguruskannya. Bandar seperti Tokyo, Osaka dan Kyoto telah disediakan landasan keretapi yang terus berhubung dengan pusat pelabuhan seperti pelabuhan Yokohama dan Kobe bagi memudahkan urusan perhubungan dan perdagangan.

## **Jepun Selepas Pemerintahan Meiji Sehingga Perang Dunia Kedua (1914 hingga 1945)**

Jepun selepas Meiji boleh dikaikan dengan jelas tentang satu dasar yang dilakukan oleh Jepun iaitu Dasar Imperialisme. Dasar Imperialisme yang diamalkan Jepun ini adalah hasil daripada pemodenan dan pembaharuan yang dibuat di dalam aspek ketenteraan atau militerisme ketika pemerintahan Meiji. Dasar Imperialisme Jepun ini telah membawa kepada Jepun terjun ke kancang perperangan. Terdapat beberapa perkara yang mendorong kepada Jepun terlibat sepenuhnya di dalam perperangan yang melibatkan kuasa besar dunia yang lain iaitu kuasa Barat dan Eropah. Aspek ekonomi dan militerisme membawa Jepun untuk melaksanakan dasar penaklukannya sehingga Jepun berupaya menakluki negara jiran seperti Korea dan Manchuria, berserta negara-negara Asia Tenggara. Peningkatan pemodenan Jepun di dalam bidang perindustrian menyebabkan Jepun memerlukan bahan mentah yang banyak sebagai sumber industri pembuatan sedangkan Jepun mempunyai sumber bahan mentah yang terhad. Jepun juga mempunyai pasaran yang terhad berbanding Eropah untuk memasarkan barang siap. Oleh itu, untuk mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan mengikut keperluan industri, Jepun tidak mempunyai pilihan lain selain menjalankan penaklukan ke atas negara yang hampir dengannya seperti China dan Korea.

Perkara ini memberi kemudahan kepada Jepun untuk menjalankan dasar imperialisme kerana Jepun mempunyai pasukan ketenteraan yang bersemangat waja, berdisiplin dan memiliki latihan yang mencukupi. Hal ini adalah hasil daripada pegangan yang kuat terhadap semangat bushido yang mana prinsip mengalahkan dan menakluk negara lain adalah sebagai suatu kejayaan bagi seorang pahlawan. Selain itu, semangat kokutai dan kepercayaan di dalam pegangan agama Shinto<sup>iii</sup> juga membawa kepada Dasar Imperialisme ini diperhebatkan oleh Jepun. Jepun berjaya menakluki Manchuria pada tahun 1932 selain membuat penaklukan ke atas Beijing, Cantong, Shanghai dan Naking di China. Menurut Muhd Yusuf (1972), peristiwa pencerobohan di Manchuria ini adalah suatu manifestasi imperialisme Jepun yang terang-terangan. Ia bukanlah hanya merupakan ekspedisi sementara sahaja, yang kononnya dilakukan demi membala dendam terhadap tindakan orang-orang China yang mereka tuduh melakukan letusan dulu, atau mempertahankan kepentingan mereka daripada mengalami kerosakan selanjutnya, tetapi adalah juga untuk menguasai terus wilayah tersebut. Jepun telah menyertai kuasa paksi pada tahun 1937 dan penyertaan tersebut telah menghangatkan lagi pergolakan dunia. Kebimbangan ini telah terbukti pada tahun 1939 apabila Jerman memulakan peperangan dengan menyerang Poland. Ini bermakna, sebelum Perang Dunia Kedua, Jepun berada dalam kancang peperangan apabila mereka mengamalkan Dasar Imperialisme dan penaklukan. Jepun terlibat dengan beberapa peperangan sebelum menghadapi kekalahan pada Perang Dunia Kedua tahun 1945 (Large, 2006).

## **Kebangkitan dan Perubahan Jepun Selepas Perang Dunia Kedua**

Perang Dunia Kedua telah menyaksikan kemasuhan yang teruk kepada negara Jepun apabila bandar Hiroshima dan Nagasaki musnah akibat ledakan bom atom oleh Tentera Berikat. Perkara ini telah melumpuhkan ekonomi Jepun sekali gus mengurangkan populasi Jepun apabila seramai lebih 70,000 orang terkorban di dalam peperangan tersebut (Lyons, 2016). Hal ini telah membuatkan Jepun yang menduduki Tanah Melayu pada ketika itu telah menyerah kalah dan kembali semula ke Jepun. Jepun yang pada ketika itu mengamalkan Dasar Imperialisme telah kembali semula ke negaranya dan berusaha untuk bangun semula selepas menghadapi kekalahan yang teruk di dalam Perang Dunia Kedua. Pelbagai usaha dan pembaharuan yang telah dibuat ke atas Jepun sebagai usaha untuk kembali bangkit memajukan dan membangunkan semula negara.

Perubahan demi perubahan yang berlaku dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran Jepun, memberi peluang yang besar kepada Jepun untuk bangkit semula dan dalam masa yang sama telah berjaya menjadi salah sebuah negara yang menguasai ekonomi dunia. Kebangkitan Jepun ini adalah hasil daripada sikap rakyat Jepun sendiri yang sentiasa berusaha dan sanggup berubah kepada suatu kehidupan yang lebih baik. Sikap dan budaya Jepun yang diwarisi sejak zaman berzaman telah diamalkan dalam kehidupan seharian dan sikap ini juga telah berupaya membentuk peribadi mereka menjadi masyarakat yang positif dalam usaha memajukan negara. Kebangkitan Jepun untuk memulihkan semula ekonomi dan pembangunan negara selepas perang suatu yang wajar dicontohi kerana pastinya mereka mempunyai rahsia dan resepsi kejayaan sehebat itu.

Selepas perang, biarpun negara Jepun mengalami kemasuhan yang teruk dan membawa kepada kependudukan Amerika Syarikat ke atas Jepun, ia telah membawa perubahan yang besar dalam sistem pemerintahan Jepun iaitu amalan sistem demokrasi dan kekal sehingga ke hari ini. Sejarah panjang yang dilalui oleh Jepun dalam sistem pemerintahan dan pentadbirannya telah membawa kepada kejayaan dan kemajuan negara mereka. Hal ini juga turut mempengaruhi kepada sikap dan budaya yang dimiliki oleh rakyat Jepun sehingga kini. Berdasarkan sejarah peradaban Jepun, budaya kerja Jepun yang positif seperti berdisiplin, taat setia, patuh kepada ketua, malu dan bersungguh-sungguh adalah hasil daripada amalan yang diamalkan sejak zaman pemerintahan Shogun Semangat bushido yang diamalkan pada zaman Shogun dan semangat kokutai yang wujud pada zaman pemerintahan Meiji telah menjadi suatu sifat dan budaya masyarakat Jepun sehingga kini. Amalan budaya semangat bushido dan kokutai telah menjadi sebatи di dalam diri masyarakat Jepun.

## **Perubahan dan Kebangkitan Jepun Melalui Aspek Politik dan Pentadbiran**

Kemusnahan dan kekalahan Jepun di dalam Perang Dunia Kedua telah menjadi suatu kelebihan kepada Amerika Syarikat untuk mengawasi dan menguasai Jepun apabila Jepun menyerah kalah kepada Amerika Syarikat pada September 1945 sekali gus memberi peluang kepada Amerika untuk menduduki Jepun (Nakamura, 1992). Pendudukan Amerika ke atas Jepun telah memberi kesan yang positif dalam usaha memulihkan ekonomi Jepun. Namun begitu, Jepun kembali memiliki kemerdekaannya pada 28 April 1952 setelah menandatangani perjanjian perdamaian dengan empat puluh tujuh buah negara lain di San Francisco. Kependudukan Amerika ke atas Jepun telah membawa perubahan yang besar ke atas sistem politik dan pentadbiran Jepun. Dasar pendudukan Amerika ke atas Jepun telah mengubah dua elemen penting dalam sistem pentadbiran Jepun dengan menggubal angkatan ketenteraan Jepun serta memperkenalkan sistem pemerintahan demokrasi. Amerika telah merombak jentera perang Jepun dengan membubarkan angkatan tentera Jepun dan angkatan laut Jepun pada tahun 1945. Ini adalah bertujuan untuk melumpuhkan fahaman ketenteraan di Jepun. Industri senjata api turut ditutup dan usaha untuk menggantikan industri ini sedang giat dijalankan. Dalam perjanjian yang membawa kepada Jepun untuk menyerah kalah, tentera Jepun dijanjikan untuk dibenarkan pulang ke kampung halaman masing-masing dan boleh hidup dengan aman (The International Society for Education Information, 1989).

Perkara utama yang dijalankan oleh tentera Amerika adalah menghantar balik semua orang Jepun di luar negara. Perlembagaan baru Jepun telah diperkenalkan pada tahun 1947. Perlembagaan yang diperkenalkan telah membawa kepada pengenalan amalan sistem demokrasi di dalam pemerintahan Jepun. Amerika telah memperkenalkan ‘Diet Kebangsaan<sup>iv</sup>’ bagi menyingkirkan kuasa tentera dan menggantikan ‘*Imperial Diet*’ (The International Society for Education Information: 1989). Diet Kebangsaan merupakan kuasa yang tertinggi di dalam perundangan tunggal negara. Diet ini mempunyai dua rumah iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Majlis. (Kingston 2011). Kedudukan Maharaja berubah selepas Perang Dunia Kedua. Maharaja yang disanjung tinggi dan dihormati telah dijadikan hanya sebagai simbol perpaduan. Maharaja berperanan sebagai menjamin dan menjaga keamanan negara daripada keadaan yang tidak aman dan huru-hara sahaja. Maharaja Hirohito telah bersetuju untuk menyatukan masyarakat pada tahun 1946 dengan mengadakan lawatan ke seluruh pelosok Jepun serta menunjukkan diri kepada rakyat sebagai pemimpin yang bermurah hati dan individu yang mementingkan kepada ilmu pengetahuan. Perlembagaan ini telah memperuntukkan bahawa kuasa raja telah dihadkan melalui konsep Raja Berperlengaan dengan memberi peranan maharaja dalam hal adat istiadat serta setiap tindak tanduk maharaja perlu berpandukan kepada nasihat kabinet.

## **Kebangkitan Jepun melalui aspek Ekonomi**

Terdapat lima fasa kebangkitan ekonomi Jepun yang diketengahkan iaitu bermula dengan fasa pertama iaitu tahun 1946 hingga tahun 1954, fasa kedua pada tahun 1955 hingga tahun 1972, fasa ketiga pada tahun 1972 hingga tahun 1992, fasa keempat pada tahun 1992 hingga tahun 2017 dan fasa kelima bermula tahun 2017 hingga kini. Peningkatan ekonomi Jepun sangat ketara dan begitu pesat selepas Perang Dunia Kedua serta di penghujung Perang Dingin iaitu kira-kira pada tahun 1947 sehingga tahun 1991. Pada tahun 1945, keluaran di dalam negara kasar (KDNK) Jepun merosot kepada lima puluh peratus iaitu kejatuhan yang paling teruk dalam sejarah ekonomi Jepun (Key Suhaimi, 2018). Jepun berusaha untuk memulihkan ekonominya selepas mengalami kemusnahan di dalam Perang Dunia Kedua dengan bantuan Pelan Marshall oleh Amerika Syarikat. Selepas Perang Dunia Kedua, kedudukan Amerika Syarikat di Jepun adalah yang terpenting kerana ia menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Jepun. Kerajaan Jepun memfokuskan kepada peningkatan pengeluaran yang mengutamakan pengeluaran bahan mentah seperti keluli, arang batu dan kapas. Pembangunan ekonomi Jepun juga dirangsang oleh pembelian senjata api oleh Amerika Syarikat (Kingston, 2011). Dasar perindustrian berat yang diperkenalkan membawa kepada kemunculan sistem ‘over-loaning’ yang sehingga kini masih diguna pakai.

Sistem Keiretsu<sup>v</sup> juga merupakan sistem yang membantu dalam membaik pulih sistem ekonomi Jepun. Selepas tamat era pertumbuhan ekonomi Jepun yang sangat pantas, ekonomi Jepun berjaya mengatasi

kejatuhan Bretton Woods iaitu sistem kadar pertukaran tetap dan peralihan kadar terapung dalam menghadapi krisis minyak pada era 1970an yang mana ia mencatat kadar pengangguran yang rendah dan pertumbuhan ekonomi yang kukuh. Kerajaan Jepun turut membuat pelaburan dalam infrastruktur Jepun dengan membina landasan kereta api berkelajuan tinggi, membina lebuh raya, kereta api bawah tanah, lapangan terbang, kemudahan pelabuhan dan empangan. Tindakan yang diambil di dalam pembangunan ekonomi telah mendedahkan Jepun kepada pengamalan Model Ekonomi Campuran. Pada tahun 1973 sehingga tahun 1990, kadar pertumbuhan ekonomi Jepun adalah sedikit tinggi berbanding US. Di akhir tahun 1970an, teori kitaran perniagaan baru muncul apabila alat mikroekonomi diaplikasikan di dalam kerangka makroekonomi yang mana secara khusus menganggapkan permintaan dan penawaran adalah sentiasa sama (Ito & Hoshi, 2020). Pada sekitar tahun 1980an, ekonomi Jepun melalui era *bubble economy* pada separuh akhir bagi tahun 1980an dan selepas kejatuhan *bubble* ini, pada permulaan awal 1990an, ekonomi Jepun menghadapi kesukaran yang panjang dalam tempoh *stagnation* dan deflasi (Aramaki, 2018).

Krisis minyak dunia pada tahun 1973 dan 1978 telah memberi implikasi besar kepada kos pemprosesan dan pengurusan yang melibatkan penggunaan minyak meningkat. Hal ini mengakibatkan permintaan minyak di pasaran sentiasa melebihi penawaran. Walau bagaimanapun, Jepun berjaya untuk menstabilkan keadaan ekonomi pada ketika itu dengan mentransformasikan kaedah teknologi yang sedang diguna pakai dengan memperkenalkan teknologi yang lebih mesra alam, hijau dan mengurangkan penggunaan tenaga. Tempoh ini juga merupakan tempoh yang baik bagi ekonomi Jepun apabila mereka berjaya dalam eksport barang automotif dan elektronik ke pasaran Eropah seperti Amerika Syarikat (Makino, 1993). Kegiatan pelaburan yang dijalankan telah menjadi tarikan kepada pelabur untuk membuat pelaburan sehingga menjadikan ekonomi Jepun melambung tinggi dan dikenali sebagai Bubble Economy (Honda, 1992).

Pada tahun 1990an sehingga tahun 2000an, kadar pertumbuhan ekonomi Jepun adalah lebih rendah berbanding US. Purata kadar pertumbuhan ekonomi Jepun adalah sebanyak satu peratus yang mana ia merupakan kadar yang lebih rendah berbanding purata *Organisation of Economic Co-operation and Development* (OECD) (Ito & Hoshi, 2020). Tempoh ini dikenali sebagai Lost decades of Japan. Bermula tahun 2003 sehingga tahun 2014, kadar pengangguran di Jepun turun naik dengan ketara kerana hasil yang berkembang dan menguncup yang mengakibatkan pasaran buruh di Jepun menjadi lebih fleksibel iaitu sama dengan pasaran buruh di US (Ito & Hoshi, 2020). Pada tahun 2016, ekonomi Jepun berkembang sebanyak satu peratus apabila peningkatan eksport dan pelaburan modal mengimbangi perbelanjaan domestik yang lemah. Pada tahun 2017, pertumbuhan ekonomi Jepun mencatatkan sebagai negara ketiga yang menguasai ekonomi terbesar dunia yang mana ia diukur dengan KDNK yang ditukarkan kepada kadar pertukaran pasaran US Dollar (Ito & Hoshi, 2020).

## **Kebangkitan Masyarakat Jepun melalui aspek Sosial dan Pembangunan Modal Insan**

Pihak berkuasa telah menggalakkan perkembangan pertumbuhan buruh yang bebas. Mereka beranggapan suatu gerakan tenaga buruh yang kuat diperlukan dalam pembentukan sikap awam yang bersifat anti-ketenteraan, progresif dan demokratik. Pada tahun 1945, Diet Kebangsaan telah meluluskan undang-undang Kesatuan Sekerja yang memberikan hak kepada pekerja untuk merancang dan menjamin hak melakukan mogok serta mengadakan rundingan di antara majikan dengan pekerja berkenaan perihal gaji, keadaan bekerja serta perkara-perkara yang disahkan oleh perlombagaan. Ketika memasuki tahun 1948, ahli kesatuan telah bertambah menjadi enam setengah juta orang serta kesatuan ini merupakan suatu kuasa yang perlu diberi perhatian (Kingston, 2011).

Pemulihan sistem pelajaran di Jepun dianggap penting selepas Perang Dunia Kedua kerana ia menjamin pembentukan dan pemeliharaan sistem Jepun yang demokratik. Sistem pelajaran yang diperkenalkan oleh Amerika pada awalnya adalah bersifat memupuk konsep demokratik dan anti-tentera. Pendidikan Jepun adalah bertujuan untuk melatih dalam masa yang panjang supaya dapat mengatasi sebarang kesukaran dan tekanan. Hal ini telah menjadikan pendidikan sebagai satu keutamaan yang terbesar dalam sejarah pendidikan Jepun. Jepun telah mengadakan doktrin pendidikan

setelah mendapat semula kuasa pemerintahan dengan menggunakan peraturan sekolah rakyat dalam Rangka Struktur 55. Sistem pendidikan Jepun sehingga kini telah berpandukan kepada Undang-undang Asas Pendidikan 1947<sup>vi</sup> (Katsutoshi, 2005). Sistem pendidikan Jepun mengutamakan pengajian peringkat rendah dengan menetapkan usia seawal enam tahun untuk mendapatkan pendidikan ini. Sekolah awam menjadi pilihan utama pengajian peringkat menengah rendah manakala pendidikan swasta popular pada peringkat menengah dan universiti (Ruhaiza, 2016). Berasaskan Undang-undang Asas Pendidikan 1947, pendidikan di sekolah telah ditetapkan selama enam tahun, sekolah menengah rendah dan sekolah menengah masing-masing tiga tahun, manakala dua atau empat tahun di peringkat universiti.

Selain daripada pendidikan, pendudukan Amerika ke atas Jepun juga membawa perubahan kepada kedudukan wanita di negara Jepun. Kaum wanita diberi hak untuk mengundi, hak untuk mendapat kesaksamaan undang-undang sama seperti kaum lelaki dan mereka juga diberi peluang untuk mendapat pendidikan yang sama. Undang-undang pada zaman feudal yang mengagungkan lelaki dan memberikan keistimewaan kepada lelaki sebagai ketua keluarga (Hunter, 1989), turut dihapuskan pada ketika ini. Kedudukan wanita juga diberi kod sivil untuk menyatakan kesaksamaan bagi kaum wanita dan lelaki. Perkembangan ekonomi yang pesat juga menjadi faktor pendorong kepada kedudukan wanita yang dinaiktarafkan. Di dalam Perlembagaan 1946 telah menyatakan kesamarataan kepada rakyat dalam semua perkara tanpa wujudnya diskriminasi dalam politik, ekonomi, hubungan sosial mahupun asal-usul keluarga. Kesannya, kedudukan wanita berubah apabila diberi peluang pendidikan yang sama rata selepas tahun 1945, serta ribuan wanita keluar bekerja di kilang senjata, lombong arang batu dan sebagainya.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, masyarakat perlu tahu, bagaimana Jepun bangkit dan berjaya membina suatu budaya masyarakat yang membawa kepada kejayaan dan kemajuan negara Jepun dari segi teknologi mahupun ekonomi. Sejarah regimentasi Jepun perlu diteliti bagi melihat bagaimana Jepun berupaya melahirkan masyarakat yang mempunyai budaya dan etika kerja yang cemerlang. Sistem feudal yang diamalkan dalam sistem pemerintahan Jepun telah berupaya menyebarkan semangat bushido yang kemudiannya melahirkan rakyat negara Jepun yang mempunyai suatu budaya kerja yang baik. Rakyat Jepun terdidik dengan sifat-sifat positif yang menyumbang kepada pembentukan budaya kerja dan jati diri yang baik sehingga membawa kepada usaha membangunkan ekonomi Jepun. Regimentasi budaya kerja Jepun telah berakar sejak 400 tahun sehingga membentuk jati diri yang tidak luntur dek era modenisasi dan globalisasi.

---

<sup>i</sup> *Bushido* merupakan suatu etika moral di dalam kelas sosial Samurai. Ia berasal daripada fahaman dan ideologi *Konfucianisme* di dalam zaman Kamakura. Di dalam ideologi *Bushido*, ia menekankan kepada aspek kesetiaan mutlak, pengorbanan diri, keadilan, perasaan malu, adab, kesopanan, kesucian, berjimat cermat, semangat keperwiraan, kehormatan, kasih sayang dan banyak lagi. *Bushido* menggalakkan latihan kerohanian yang bertujuan untuk menguasai diri sendiri sebelum berupaya untuk menguasai orang lain. Sifat kehormatan yang dimaksudkan di dalam *bushido* adalah merupakan kemenangan di dalam mendisiplinkan diri. Prinsip *bushido* ini telah menjadi amalan kepada ideal dan tingkah laku dalam moral ketenteraan Jepun. Di dalam konsep *bushido* ini telah wujud amalan hara kiri iaitu amalan atau adat membunuh diri yang menjadi pendokong kepada falsafah Jepun. Adat ini telah menjadi satu alat pengorbanan dengan cara memutuskan urat perut dan ia dianggap suatu kematian yang penting dan mulia.

<sup>ii</sup> Oligarki bermaksud pemerintahan yang dijalankan oleh sekumpulan kecil orang yang berkuasa sahaja. Sekumpulan kecil individu yang menguasai ini mentadbir sesbuah negara atau organisasi. Oligarki ini merupakan struktur pemerintahan di mana kekuasaannya hanya berpusat kepada sekelompok orang dan pemerintah mengendalikan kekuasaan sesuai dengan kepentingan mereka sendiri.

<sup>iii</sup> Shinto merupakan fahaman masyarakat Jepun yang berasal dari perkataan Cina iaitu Shin bermaksud Kami atau Tuhan dan to sebagai jalan. Dalam perkataan lain, Shinto bermaksud hidup mengikut pemikiran Kami atau Tuhan sebagai jalan atau panduan yang dikenali sebagai kannagara (Kazuya Hara, 2003). Kepercayaan orang Jepun ini tidak dinamakan secara tepat pada zaman asal usul mereka tetapi kesedaran tentang kepercayaan seperti Shinto ini telah wujud pada zaman paleolitik Jepun. Asal Shinto dibangunkan pada era Yayoi. Shinto

bukan sebuah agama seperti Buddha dan Kristian tetapi kepercayaan dan fahaman yang timbul di dalam Shinto adalah sama seperti kepercayaan Buddha. Shinto mengambil amalan dan perkara yang baik yang juga diamalkan oleh agama-agama lain. Bagi kebanyakan orang Jepun, mereka menganggap Shinto adalah kepercayaan yang melebihi daripada agama. Oleh itu, Shinto merupakan terma yang komprehensif untuk menerangkan perubahan tradisional orang Jepun yang membawa kepada pembangunan dan kemajuan di dalam kehidupan mereka.

<sup>iv</sup> Diet Kebangsaan memberi keistimewaan kepada rakyat Jepun yang berumur dua puluh tahun ke atas hak untuk mengundi dan Perdana Menteri Jepun perlu dipilih dari kalangan dua majlis ini. Sistem politik di Jepun telah digubal dan dikuatkuasakan berdasarkan perlembagaan yang dibuat.

<sup>v</sup> Sistem Keiretsu ini dibantu oleh kelonggaran undang-undang anti monopoli oleh kerajaan yang membawa kepada kemunculan semula kumpulan syarikat konglomerat yang dikenali sebagai *Keiretsu*. Dasar ini digunakan oleh MITI bagi merangsang ekonomi Jepun dengan mempromosikan pengeksportan, pengurusan pelaburan dan menyelia kapasiti pengeluaran. MITI telah menyemak semula dasar ini untuk menggalakkan industri domestik dan meningkatkan incentif untuk eksport pada tahun 1953. Jepun menjadi negara kedua terbesar di dunia memiliki pertumbuhan ekonomi yang sangat pantas selepas US pada era tahun 1950an sehingga awal tahun 1970an yang mencatat pendapatan perkapita yang tinggi di dunia (Aramaki 2018).

<sup>vi</sup> Undang-undang Asas Pendidikan 1947 menjadi asas selepas Perang Dunia Kedua di Jepun. Ianya ditubuhkan pada tahun 1947 berdasarkan kepada Perlembagaan Jepun. Perlembagaan Jepun pada tahun 1946 berdasarkan kepada menyumbang keamanan dunia dan kesejahteraan manusia dengan pembinaan budaya dan negara demokratik. Oleh itu, aspirasi untuk membangunkan prinsip dalam perlembagaan ini adalah melalui pendidikan. Pendidikan bermatlamat untuk membina budaya dan memperkasakan peribadi dengan melahirkan masyarakat yang sentiasa cintakan keamanan, kebenaran dan kedamaian. Dengan itu, Undang-undang Asas Pendidikan Jepun ini adalah jelas untuk memartabatkan sistem pendidikan dan mewujudkan asas baru dalam pendidikan Jepun. Undang-undang ini terdiri daripada 11 artikel yang merangkumi aspek matlamat pendidikan, prinsip pendidikan, kesaksamaan peluang dalam pendidikan, kewajipan pendidikan, pendidikan sekolah, pendidikan dewasa, pendidikan politik, agama dan pentadbiran serta peraturan tambahan (Katsutoshi 2005).

## Rujukan

- Amirah Hamzah. (T.th). *Adakah Budaya Jepun Berubah Sepenuhnya pada era Meiji?* <http://www.academia.edu> [25 Oktober 2019].
- Anon. (1986). *Illustrated Living Japanese Style* 2. Japan Travel Bureau, Inc.
- Anon. (1989). *The International Society for Educational Information, Inc. Japan of Today*. [25 Oktober 2019].
- Aramaki, K. (2018). *Japan's Long Stagnation, Deflation, and Abenomics: Mechanisms and Lessons*. Tokyo, Jepun: University of Tokyo.
- Asmadi Hassan, Rohayati dan Mohd Ikbil. (2017). *Pemindaan Perkara 9 Perlembagaan Jepun dalam Pentadbiran Shinzo Abe*. Akademika 87 (3), 2017: 153-154.
- Bailey, P. J. (1996). *Post War Japan 1945 to the Present*. United Kingdom: Blackwell Publisher Limited.
- Conrad, T. (1988). *Politics in the Tokugawa Bakufu: 1600-1843*. Berkley: University of California Press.
- Cooney, K. (2007). *Japan's Foreign Policy since 1945*. M.E. Sharpe Armonk: New York.
- Dasar Pandang Ke Timur. Laman web Kementerian Penerangan Malaysia. [http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/240-dasarpandang\\_keTimur.html](http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/240-dasarpandang_keTimur.html) [15 Mac 2014].
- Duss, P. (1979). *The Rise of Modern Japan*. Houghten Mifflin Company.
- Furuoka, F. (2007). *Malaysia-Japan Relations under the Mahathir: Case studies of The Look East Policy and Japanese Investment in Malaysia*. University of California Press.
- Gibney, F. (1979). *Japan: The Fragile Super Power*. The Charles E. Turtles Company.
- Hanim Ismail. (2021). *Dasar Pandang Ke Timur: Perubahan Struktur dan Budaya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hofstede Geertz. (1982). *Culture's Consequences: International Differences in Work Related Values*. New Delhi: SAGE Publications.

- 
- Honda, K. (1993). *The Japanese Economy in the 1990's*. Dlm Wong, S.C & Sugiyama, K (pnyt). *Japan in Transition: Economy Politics & Society*. Selangor: Petaling Jaya: ISIS Malaysia.
- Hunter, J. E. (1989). *The Emergence of Modern Japan. An Introductory History Since 1853*. London: Longman.
- Ishida, E. (1974). *Japanese Culture: A Study of Origins and Characteristics*. Japan: University of Tokyo Press.
- Ishida, E. (1986). *Budaya Jepun*. Terj. Pustaka Cpt. Sdn. Bhd.
- Ito, T & Hoshi, T. (2020). *Japanese Economy: Second Edition*. London: The MIT Press Cambridge, Massachusetts.
- Kartini Aboo Talib (pnyt). (2017). *Dasar Pandang ke Timur: Pencapaian, Adaptasi, dan Cabaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Katsutoshi, N. (2005). *On the historical significance and the current problems onFundamental Law of Education (1947) in Japan*. Rissho University Faculty of Psychology. Research Bulletin Vol.3.
- Kazuya Hara. (2013). *Aspects of Shinto in Japanese Communictaions*. Intercultural Communications Studies XII-4. Japan: Meikai University.
- Kevin Cooney. (2007). *Japan's Foreign Policy Since 1945*. New York: Library of Congress Cataloging in Publication Data.
- Key Suhami. (2018). *Perdana Menteri Jepun yang Memulihkan Ekonomi Jepun selepas Perang Dunia Kedua: Hayato Ikeda*. <https://illuminasi.com> [24 Oktober 2019].
- Kingston, J. (2011). *Contemporary Japan History, Politics and Social Change Since the1980*, s. Willey-Blackwell, A John & Sons Ltd, Publications.
- Kuroda Toshio. (1981). *Shinto in the History of Japanese Religion*. Journal of Japanese Studies.
- Large, S, S. (2006). *Japanese Nationalism Extremism. 1921-1941 in Historical Perspectives*. Dlm, Shimazu, N. *Nationalism in Japan*. Shelfield Centre for Japanese Studies.
- Lebra, T. S. & Lebra W. P. (1983). *Japanese Culture and Behavior Selected Readings*. An East West Center Book. University of Hawaii.
- Lebra, T. S. (1976). *Japanese Patterns of Behavior*. An East West Center Book, Univeristyof Hawaii.
- Lyons, M, J. (2016). *World War II: A Short History*. London and New York: Rotledge Taylor and Francis Group.
- Makino, N (pnyt). (1993). *Total Forecast: Cassell Asia Pasific Business*. Reference. Tokyo: Mitsubishi Research Institute.
- Masanori, N. (1992). *The Japanese Monarchy Ambassador Joseph Grew and The Makingof the Symbol Emperor System 1931-1991*. An East Gate Book.
- Mohd Fazrullah. (2017). *Bagaimana Jepun mampu Bangkit di bawah Pemerintahan Raja Muda*. <http://www.thevocket.com> [24 Oktober 2019].
- Mohd Yusuf. (1972). *Jepun selepas Meiji*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu (M) Berhad.
- Morton, W. S. & Olenik, J. K. (2005). *Japan: Its History and Culture*. New York: Library of Congress in Publication Data.
- Nakamura Masanori. (1992). *The Japanese Monarchy Ambassador Joseph Grew and The Making of the 'Symbol Emperor System' 1931-1991*. New York: An East Gate Book.
- Okihiro, G, Y. (1999). *Storied Lives: Japanese America Students and World War II*.University of Washington Press: Seattle and London.
- Paul H. Kratoska. (1992). Malaya and Singapore During the Japanese Occupation. Singapore: *Journal of Southeast Asian Studies Special Publications* (3).
- Reischaner, E. O. (2006). *Jepun Sejarah Sebuah Negara*. Kuala Lumpur: PenerbitUniversiti Malaya.
- Reischauer, E. O. (1964). *Japan Past & Presents*. Alfred A, Knopft Inc.
- Roslan Zainuddin. (2008). *Jepun Masa Kini*. Sintok: Penerbit UUM.
- Ruhaiza Rusmin. (2016). Penyeragaman Perkara Pendidikan di Jepun. Berita Harian Online. [6 Julain 2020]
- Sandra Wilson (pnyt). (2002). *Nation and Nationalism in Japan*. Routledge Curzon: Taylor& Francis Group.
- Sauders, G. (1983). *Jepun Selepas Perang*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Sellreen Anthony. 2013. *Zaman Keshogunan Tokugawa (1601-1867)*. <http://www.academia.com.my> [24 Oktober 2019].

- Shimazu, N. (pnyt). (2006). *Nationalisme in Japan*. Shelfield Centre for Japanese Studies.
- Shozo, F. (1981). *Semangat Revolusi Meiji*. Dlm, Mochtar Lubis. *Kelemahan yang Membusuk: Keperibadian dan Peranan Jepang*. Pt Djaya Pirussai: Jakarta.
- Tomaru, J. (2000). *The Postwar Rapprochement of Malaya & Japan: 1945-1961. The Roles of Britain and Japan in South-east Asia*. Mc Millan, Press LTD.
- Varley, H. P. (1973). *Japanese Culture*. New York: Praeger Publishers.
- Yamada, T. (2018). *Contemporary Capitalism and Civil Society: The Japanese Experience*. Nagoya, Japan: Nagoya University.